

24/03/2002

Malaysia negara Islam contoh

Ahmad Rejal Arbee

WARSAW: Malaysia adalah sebuah negara Islam contoh untuk diteladani oleh negara-negara Islam lain, kata Imam satu-satunya masjid di Gdansk, bandar pelabuhan Poland kira-kira 300 km ke utara bandar raya ini.

Imam itu, Selam Chazbijewic berkata Malaysia disanjung sebagai sebuah negara Islam yang telah berjaya dalam pembangunan ummahnya dan juga telah maju dalam pencapaian teknologi serta dapat mewujudkan suasana Islam yang dituntut.

Berucap ketika menyambut kunjungan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menunaikan solat Jumaat semalam beliau amat menyanjungi lawatannya serta rombongan dari Malaysia ke masjid itu yang dibina untuk kemudahan rakyat Islam di bandar raya itu sejumlah hanya 500 orang.

Beliau berkata tidak ramai umat Islam di seluruh Poland, walaupun Islam telah bertapak di negara itu sejak 600 tahun dengan kemasukan rakyat keturunan Tartar dari Asia Tengah.

Dr Mahathir dalam ucapan balasnya berkata orang Islam di sesebuah negara di mana mereka merupakan golongan minoriti harus bekerja lebih keras untuk maju dan berjaya. Kalau mereka hanya terdiri daripada rakyat miskin tentunya mereka bukan sahaja tidak berpengaruh tetapi tidak akan dihormati.

Justeru itu mereka harus berusaha untuk maju dan berjaya dalam apa-apa lapangan yang mereka ceburi. Tetapi setelah berjaya mereka tidak harus mengabaikan agama hingga melupakannya.

Rombongan dari Malaysia itu kemudiannya menunaikan solat Jumaat dengan diimamkan oleh Mufti Pahang, Datuk Sulaiman Ahmad manakala khutbahnya disampaikan oleh Mufti Johor, Datuk Noh Gadot.

Dr Mahathir juga telah menyampaikan derma AS\$5,000 kepada masjid itu.

Dr Mahathir kemudiannya melawat limbungan kapal Tentera Laut Poland di pangkalannya. Beliau menaiki bot panglima Tentera Laut Poland Laksamana R Kukasik dibawa belayar dari dermaga untuk menyaksikan pertunjukan operasi penyelamat di laut oleh Tentera Laut Poland menggunakan beberapa buah helikopter dan kapal tentera.

(END)